


## **BAB 3 : HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA**

### **3.1 PERDAGANGAN ANTARABANGSA(PAB)**

#### *MAKSUD*

- perdagangan yang melibatkan pertukaran barangan antara satu negara dengan negara lain.
- berlakunya aktiviti import dan eksport
- import ialah aktiviti membeli barangan dari luar
- eksport ialah aktiviti menjual barangan ke luar negara

#### **SEBAB WUJUDNYA PERDAGANGAN ANTARABANGSA**



## **PERSAMAAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DENGAN PAB**

1. Mendapat keuntungan
  - kedua-duanya mempunyai tujuan yang sama iaitu memperolehi keuntungan
2. Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
  - kedua-duanya bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna bergantung kepada permintaan pengguna terhadap sesuatu barangan
3. Keperluan terhadap perkhidmatan sokongan yang sama
  - kedua-duanya memerlukan perkhidmatan sokongan yang sama untuk melancarkan proses perdagangan
4. Penggunaan dokumen
  - kedua-duanya melibatkan transaksi dalam urusan perdagangan yang perlu direkod dan didokumentasikan
5. Meningkatkan taraf hidup
  - kedua-duanya menawarkan pelbagai jenis barangan dan ini dapat meningkatkan taraf hidup rakyat
6. Mengamalkan pengkhususan
  - kedua-duanya mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran

**PERBEZAAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DENGAN PAB**

<b>PERDAGANGAN DALAM NEGERI</b>	<b>ASPEK PERBEZAAN</b>	<b>PERNIAGAAN ANTARABANGSA</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Terhad untuk penduduk tempatan</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Pasaran dalam Malaysia lebih kecil berbanding dengan pasaran luar negara</li> </ul>	<b>Pasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Pasaran lebih luas</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Televisyen keluaran Jepun dieksport ke Malaysia, Arab Saudi, Indonesia</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Tidak melepasi sempadan sesebuah negara</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Aktiviti jual beli antara Kelantan dan Melaka masih dlm lingkungan sempadan Malaysia</li> </ul>	<b>Sempadan Perdagangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Melepasi sempadan sesebuah negara</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Pengeksportan buah-buahan dari Malaysia ke Arab Saudi, Jepun, Singapura</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Tidak tertakluk kepada sebarang sekatan perdagangan</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Peniaga dari Melaka dan Pahang tidak akan dikenakan sekatan spt tarif atau kuota</li> </ul>	<b>Sekatan Perdagangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Tertakluk kepada sekatan perdagangan antarabangsa</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Perdagangan antara Malaysia dan Thailand dikenakan duti import, kuota</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Menggunakan mata wang yang sama</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Malaysia guna RM</li> </ul>	<b>Mata wang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Menggunakan mata wang yang berbeza</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Thailand - Bath Jepun - Yen</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Jarak dekat maka kosnya lebih murah</li> <li><input type="checkbox"/> Kos pengangkutan, caj insurans dan perkhidmatan pos lebih rendah</li> </ul>	<b>Jarak dan Kos</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Jarak jauh dan kos lebih tinggi</li> <li><input type="checkbox"/> Libatkan kos pengangkutan, caj insurans dan perkhidmatan pos lebih tinggi</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Dokumen perdagangan sedikit/terhad seperti invois, nota kiriman, nota kredit</li> </ul>	<b>Dokumen</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Dokumen perdagangan lebih banyak/pelbagai spt bil muatan, resit nakhoda, waran limbungan, borang kastam</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Faktor pengeluaran bebas bergerak tanpa sekatan</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : buruh daripada Kedah bebas mencari kerja di Johor</li> </ul>	<b>Mobiliti Faktor Pengeluaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Pergerakan faktor pengeluaran tertakluk kepada kebenaran drp sesebuah negara</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : buruh dari Indonesia perlu ada permit utk bekerja di Malaysia</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan bahasa yang sama dan ini memudahkan urusan</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Malaysia guna bahasa Melayu</li> </ul>	<b>Bahasa</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan bahasa yang berbeza menyukarkan proses urus niaga</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Peniaga dari Malaysia dan Perancis perlu guna bahasa yang boleh difahami bersama/guna juru bahasa</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Barang yang dikeluarkan dalam negeri bergantung kepada kebudayaan dan cara hidup masyarakatnya</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : cara pemakanan orang India lebih kepada rempah ratus</li> </ul>	<b>Kebudayaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Melibatkan pelbagai kebudayaan yang berbeza antara negara</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : cara pemakanan di Amerika Syarikat berbeza dengan cara pemakanan di India</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Menggunakan sistem sukatan dan timbangan yang seragam/sama</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Malaysia - Sis. Metrik</li> </ul>	<b>Sukatan dan Timbangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Menggunakan sistem sukatan dan timbangan yang berbeza</li> <li><input type="checkbox"/> Contoh : Britain - Sis. Imperial</li> </ul>

**KEBAIKAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA**



- (i) Menikmati barangan yang tidak dihasilkan di dalam negara
  - perbezaan sumber semula jadi, iklim dan tanah
- (ii) Memperoleh barang dengan lebih murah
  - pengkhususan dalam pengeluaran menyebabkan kos per unit pengeluaran lebih rendah
- (iii) Memperluaskan pilihan pengguna
  - pengguna dapat menikmati pelbagai pilihan barangan tempatan dan import/ memenuhi cita rasa/ meningkatkan taraf hidup
- (iv) Menggalakkan penggunaan teknologi baru
  - meningkatkan daya pengeluaran/industri tempatan berkembang
- (v) Memperluaskan pasaran
  - eksport meningkat/keuntungan pengeluar meningkat
- (vi) Meningkatkan kecekapan pengeluaran melalui persaingan
  - industri tempatan akan meningkatkan pengetahuan dalam teknologi tinggi agar dapat bersaing dengan pengeluar luar negara
- (vii) Mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang
  - kerjasama dalam aspek ekonomi/politik/sosial/ekonomi
- (viii) Menambahkan peluang pekerjaan
  - mengurangkan pengangguran/meningkatkan taraf hidup
- (ix) Menggalakkan pelaburan
  - kemasukan pelaburan langsung asing(FDI)/perkongsian ekuiti


**KEBURUKAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA**


- (i) Terlalu bergantung kepada eksport dan import
- menimbulkan kesan negatif apabila berlaku kejatuhan harga eksport
  - kenaikan harga import/perubahan politik
- (ii) Mengamalkan pengkhususan yang berlebihan
- kewujudan barang pengganti lebih mudah/kompetitif
  - terdedah kepada risiko lejutuhan harga barangan pengkhususan
- (iii) Menyebarkan budaya yang tidak sihat
- penyebaran nilai/budaya yang bertentangan dengan nilai budaya tempatan
  - tanggapan barang import lebih baik daripada barang tempatan
  - mengancam keselamatan negara seperti senjata api, dadah, video lucah
- (iv) Menimbulkan masalah lambakan
- menjejaskan perkembangan industri tempatan
  - barang import dijual dengan harga yang lebih rendah
- (v) Merugikan negara membangun
- nilai/jumlah eksport yang banyak hanya dapat ditukar dengan nilai/jumlah barang import yang sedikit
- (vi) Kurang mobiliti sumber
- disebabkan mobiliti buruh/ mobiliti geografi
  - faktor intensif buruh/intensif modal
  - mobiliti pekerjaan kerana pengalaman/kemahiran
- (vii) Mengamalkan dasar perlindungan
- industri tempatan kurang cekap/ harga barang import lebih tinggi
  - sekatan perdagangan antarabangsa mendapat tindakbalas rakan dagang

**KOMPOSISI EKSPORT DAN IMPORT**

<b>EKSPORT</b>	<b>IMPORT</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Barangan yang dikeluarkan oleh sesebuah negara dan dijual ke luar negara</li> <li>◆ Contoh : petroleum, tekstil, pendidikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Barangan yang dibeli oleh sesebuah negara dari luar negara</li> <li>◆ Contoh : kapal terbang, buah-buahan</li> <li>◆</li> </ul>
<p><i>Eksport nampak</i>(barang nyata)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Barang yang dikeluarkan dalam negara dan dijual ke luar negara seperti <b>komoditi utama</b> dan <b>barang perkilangan</b> -</li> </ul>	<p><i>Import nampak</i>(barang nyata)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Barang yang dibeli dari luar negara seperti <b>barang modal</b> dan <b>barang penggunaan</b></li> </ul>
<p><i>Eksport tak nampak</i>(barang tak nyata/perkhidmatan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Perkhidmatan atau kepakaran rakyat tempatan yang digunakan oleh negara luar</li> <li>◆ Contoh : Pelancong asing menginap di hotel di negara kita</li> </ul>	<p><i>Import tak nampak</i>(barang tak nyata/perkhidmatan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Penggunaan perkhidmatan rakyat asing oleh sesebuah negara</li> <li>◆ Contoh : Syarikat insurans asing yang beroperasi di Malaysia</li> </ul>

**KOMPOSISI EKSPORT**

**KOMPOSISI IMPORT**



### Ramalan Corak Komposisi Eksport dan Import Negara Malaysia pada Masa Depan

- sumber pertumbuhan ekonomi telah beralih daripada ekonomi berasaskan pengeluaran(p-ekonomi) kepada ekonomi berasaskan pengetahuan(e-ekonomi)

### Ramalan corak komposisi eksport dan import barang nampak

#### Komposisi eksport barang nampak

- Eksport barang nampak akan berkurangan(khususnya komoditi utama)
- kerajaan jalankan dasar pemeliharaan sumber di mana menghadkan pengeluaran petroleum, gas asli dan aktiviti pembalakan.
- pergantungan kepada eksport barangan perkilangan timbulkan masalah pengangguran akibat penarikan balik pelabur asing
- maka kerajaan mempelbagaikan asas perkilangan dengan menekankan kepada aktiviti perkilangan keluaran sektor utama spt. barang berasaskan getah dan kayu balak
- maka eksport keluaran elektrik dan elektronik dijangka berkurangan tetapi eksport barang kilang berasaskan keluaran komoditi utama dijangka akan meningkat.



Komposisi import barang nampak

- Import barang penggunaan tahan lama seperti barang pelaburan(modal) utk kegunaan sektor perkhidmatan seperti peralatan telekomunikasi dan kesihatan dijangka meningkat
- barang import untuk dieksport semula dijangka akan berkurangan berikutan penekanan kerajaan kepada aktiviti perkilangan yang berasaskan sumber tempatan

Komposisi eksport barang tak nampak

- kerajaan ingin menjadi Malaysia pengeksporth sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan pendidikan, kesihatan, pelancongan, telekomunikasi dan perbankan.
- ia dijangka meningkat dan menjadi komponen eksport terbesar negara berbanding eksport nampak

Komposisi import barang tak nampak

- kerajaan galakkan perkembangan sektor pengangkutan dan insurans tempatan utk mengatasi punca kurangan dalam imbalan perkhidmatan negara
- perkembangan sektor ini akan kurangkan komponen import barang tak nampak negara

Ramalan Rakan Dagang Utama Negara pada Masa DepanRakan Dagang Utama Masa Kini

1. Amerika Syarikat
2. Jepun
3. Kesatuan Eropah
4. Singapura

Rakan Dagang Utama Masa Depan

1. Asia Barat(Arab Saudi, Iran dan Emiriyah Arab Bersatu)
2. Asia Timur(China, Taiwan, Korea Selatan)
3. Afrika

**IMBANGAN DAGANGAN**

- ialah rekod menunjukkan semua jumlah **eksport nampak dan import nampak** sesebuah negara dalam tempoh satu tahun

Eksport	<ul style="list-style-type: none"> <li>- dikreditkan</li> <li>- sebabkan aliran wang masuk</li> <li>- terima pembayaran</li> </ul>
Import	<ul style="list-style-type: none"> <li>- didebitkan</li> <li>- sebabkan aliran wang keluar</li> <li>- lakukan pembayaran</li> </ul>

- ia membandingkan eksport barang nampak dan import barang nampak
- ia ditentukan oleh perbezaan nilai eksport barang nampak berbanding nilai import barang nampak

$$\text{IMBANGAN DAGANGAN} = \text{Nilai eksport nampak} - \text{Nilai import nampak}$$

### Jenis Imbangan Dagangan

Jenis Imbangan	Huraian
IMBANGAN DAGANGAN LEBIHAN (POSITIF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ nilai eksport nampak melebihi import nampak (<math>X_n &gt; M_n</math>)</li> <li>◆ Contoh : Nilai eksport nampak RM88 juta dan nilai import nampak RM67 jut</li> </ul> <p style="text-align: center;">           Imbangan Dagangan = Eksport nampak - Import nampak            = RM88 juta - RM67juta            = RM21 juta         </p>
IMBANGAN DAGANGAN KURANGAN (NEGATIF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ nilai eksport nampak kurang daripada import nampak (<math>X_n &lt; M_n</math>)</li> <li>◆ Contoh : Nilai eksport nampak RM45 juta dan nilai import nampak RM98 juta</li> </ul> <p style="text-align: center;">           Imbangan Dagangan = Eksport nampak - Import nampak            = RM45 juta - RM98juta            = - RM53 juta         </p>
IMBANGAN DAGANGAN SEIMBANG	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ nilai eksport nampak sama dengan import nampak (<math>X_n = M_n</math>)</li> <li>◆ Contoh : Nilai eksport nampak RM62 juta dan nilai import nampak RM62 juta</li> </ul> <p style="text-align: center;">           Imbangan Dagangan = Eksport nampak - Import nampak            = RM62 juta - RM62juta            = 0         </p>

### Contoh Pengiraan Imbangan Dagangan

Eksport dan Import	Jumlah (RM juta)
Eksport barang pembuatan	302 677
Eksport minyak kelapa sawit	13 566
Eksport petroleum mentah	87 962
Eksport gas asli cecair	10 184
Import barang perantaraan	213 450
Import barang modal	4 597
Import barang penggunaan	1 850

### **Langkah 1 : Mengira nilai eksport barang nampak**

Eksport	RM juta
Eksport barang pembuatan	302 677
Eksport minyak kelapa sawit	13 566
Eksport petroleum mentah	87 962
+Eksport gas asli cecair	10 184
<b>Jumlah nilai eksport barang nampak</b>	<b>414 389</b>

**Langkah 2 : Menira nilai import barang nampak**


<b>Eksport</b>	<b>RM juta</b>
Import barang perantaraan	213 450
Import barang modal	4 597
+Import barang penggunaan	1 850
<b>Jumlah nilai import barang nampak</b>	<b>219 897</b>

**Langkah 3 : Menira nilai imbalan dagangan**

<b>Eksport</b>	<b>RM juta</b>
Jumlah eksport barang nampak	414 389
+Jumlah import barang nampak	219 897
<b>Imbalan Dagangan</b>	<b>194 492</b>

**IMBALAN PEMBAYARAN**

- rekod jumlah pembayaran kewangan yang dibuat ke luar negara dan penerimaan kewangan yang diterima dari luar negara dalam tempoh satu tahun



**AKAUN SEMASA**

- merekod semua penerimaan kewangan dan pembayaran kewangan daripada urus niaga antarabangsa yang melibatkan pertukaran barang dan perkhidmatan.
- butir-butir akaun semasa ialah :

Akaun Dagangan	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> merekod jumlah nilai eksport dan nilai import barang nampak sesebuah negara dalam tempoh setahun</li> <li><input type="checkbox"/> perbezaan antara nilai eksport barang nampak dengan nilai import barang nampak ialah <b>imbangan akaun dagangan</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>eksport barang nampak</b> spt. komoditi utama dan barang perindustrian</li> <li><input type="checkbox"/> <b>import barang nampak</b> spt. barang siap, barang perantaraan dan barang modal</li> </ul>
Akaun Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> merekod nilai eksport dan nilai import barang tak nampak untuk tempoh setahun</li> <li><input type="checkbox"/> perbezaan antara nilai eksport perkhidmatan dengan nilai import perkhidmatan ialah <b>imbangan akaun perkhidmatan</b></li> <li><input type="checkbox"/> terbahagi kepada :- <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Pengangkutan</b> - rekod perbelanjaan dan penerimaan daripada pengangkutan laut, udara dan darat yang mengangkut barang dan penumpang</li> <li>▪ <b>Perjalanan</b> - rekod perbelanjaan dan penerimaan daripada pelancong, pelajar dan jemaah haji</li> <li>▪ <b>Urus niaga kerajaan</b> - rekod semua perbelanjaan pengurusan kedutaan asing Contoh : Perbelanjaan pentadbiran kedutaan asing Malaysia di Indonesia</li> <li>▪ <b>Perkhidmatan lain</b> - rekod pembayaran dan penerimaan seperti royalti dan insurans</li> </ul> </li> </ul>
Akaun Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> merekod semua penerimaan pendapatan dari luar negara dan pembayaran pendapatan ke luar negara dalam tempoh setahun</li> <li><input type="checkbox"/> perbezaan antara penerimaan pendapatan pelaburan dan pampasan dari luar negara dengan pembayaran pendapatan pelaburan dan pampasan ke luar negara ialah <b>imbangan akaun pendapatan</b></li> <li><input type="checkbox"/> merekod dua jenis pendapatan iaitu : <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>penerimaan dan pembayaran kepada pekerja</b> - yang dibayar dan diterima kepada buruh asing. Contoh : Bayaran kepada seorang profesor ekonomi dari Britain utk sesi syarahan di Malaysia</li> <li>▪ <b>pendapatan pelaburan</b> - jumlah pendapatan bersih yang diterima drp negara asing dalam bentuk penerimaan dividen dan keuntungan Contoh : Keuntungan yang diterima oleh rakyat Singapura yang mendepositkan wang dalam akaun pelaburan Bank Islam di</li> </ul> </li> </ul>

<b>Akaun Pindahan Semasa</b>	<p style="text-align: center;"><b>Malaysia.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>□ merekod bayaran pindahan yang dilakukan dan diterima oleh pihak kerajaan dan pihak swasta sesebuah negara dalam tempoh setahun</li> <li>□ bayaran yang dibuat tanpa membuat pertukaran barangan</li> <li>□ perbezaan antara penerimaan pindahan semasa dari luar negara dengan pembayaran pindahan semasa ke luar negara adalah <b>pindahan semasa bersih</b></li> <li>□ ia terdiri daripada :-             <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>pindahan kerajaan</b> - bantuan kewangan yang diterima daripada negara luar, bantuan ketenteraan dan bencana alam ke negara asing Contoh : Malaysia menghantar bantuan makanan dan pakaian kepada mangsa Tsunami di Indonesia</li> <li>▪ <b>pindahan swasta</b> - kiriman wang tunai atau hadiah daripada rakyat asing yang bekerja di Malaysia kepada keluarga di negara asal Contoh : Rakyat Indonesia yang bekerja di Malaysia mengirimkan wang kepada ibunya di Indonesia</li> </ul> </li> </ul>
------------------------------	---

### Pengiraan Akaun Semasa

- imbangan akaun semasa diperoleh dengan membandingkan semua jumlah penerimaan dengan jumlah pembayaran yang dibuat bagi semua akaun di dalam akaun semasa

<b>Butiran</b>	<b>Penerimaan(1) RM juta</b>	<b>Pembayaran(2) RM juta</b>
<b>Barang</b>	<b>349 471</b>	<b>281 281</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>59582</b>	<b>68 277</b>
Pengangkutan	10 640	23 645
Perjalanan	28 631	10 473
Perkhidmatan lain	19 819	33 692
Urus niaga kerajaan	492	465
<b>Pendapatan</b>	<b>7 199</b>	<b>34 979</b>
Pampasan pekerja	1 489	2 636
Pendapatan pelaburan	5 710	32 343
<b>Pindahan Semasa</b>	<b>2 059</b>	<b>10 542</b>

### Contoh Pengiraan

#### **Langkah 1 : Mengira akaun dagangan**

AKAUN DAGANGAN = NILAI EKSPORT BARANG NAMPAK - NILAI IMPORT BARANG NAMPAK

<b>Butiran</b>	<b>RM juta</b>
Nilai eksport barang nampak	349 471
- Nilai import barang nampak	- 281 281
<b>Akaun dagangan</b>	<b>68 190</b>

### Langkah 2 : Mengira akaun perkhidmatan

AKAUN PERKHIDMATAN = PENGANGKUTAN + PERJALANAN + PERKHIDMATAN LAIN + URUS NIAGA KERAJAAN

<b>Butiran</b>	<b>RM juta</b>	<b>RM juta</b>
Penerimaan	10 640	
- Pembayaran	- 23 645	
<b>Pengangkutan</b>		<b>(- 13 005)</b>
Penerimaan	28 631	
- Pembayaran	- 10 473	
<b>Perjalanan</b>		<b>18 158</b>
Penerimaan	19 819	
- Pembayaran	- 33 692	
<b>Perkhidmatan lain</b>		<b>(-13 873)</b>
Penerimaan	492	
- Pembayaran	- 465	
<b>Urus niaga kerajaan</b>		<b>+ 27</b>
<b>Akaun perkhidmatan</b>		<b>- 8 693</b>

### Langkah 3 : Mengira akaun pendapatan

<b>Butiran</b>	<b>RM juta</b>	<b>RM juta</b>
Penerimaan	1 489	
- Pembayaran	- 2 636	
<b>Pampasan pekerja</b>		<b>(- 1 147)</b>
Penerimaan	5 710	
- Pembayaran	- 32 343	
<b>Pendapatan pelaburan</b>		<b>+(-26 633)</b>
<b>Akaun pendapatan</b>		<b>- 27 780</b>

**Langkah 4 : Mengira pindahan semasa bersih**

<b>Butiran</b>	<b>RM juta</b>
Penerimaan	2 059
- Pembayaran	10 542
<b>Akaun pindahan semasa bersih</b>	<b>- 8 483</b>

**Langkah 5 : Mengira akaun semasa**

<b>Butiran</b>	<b>RM juta</b>
Akaun Dagangan	68 190
Akaun Perkhidmatan	(-8 693)
Akaun Pendapatan	(-27 780)
+ Akaun Pindahan Semasa Bersih	+ (-8 483)
<b>Akaun Semasa</b>	<b>23 234</b>

**AKAUN MODAL**

- ◆ merekod pergerakan modal antara sebuah negara dengan negara lain dalam tempoh satu tahun
- ◆ terdiri daripada :-
- ◆ (i) **pelaburan langsung**
- ◆ - adalah pelaburan jangka panjang  
Contoh : firma/kilang rakyat Malaysia di China
- ◆ (ii) **pelaburan portfolio**
- ◆ - pelaburan yang melibatkan pembelian surat jaminan dan bon  
Contoh : Apabila sebuah institusi kewangan bukan bank dari Malaysia membeli surat jaminan kerajaan Amerika Syarikat
- ◆ (iii) **pelaburan lain**
- ◆ - merujuk kepada pelaburan yang dilakukan antara kerajaan  
Contoh : Apabila Bank Negara Malaysia meminjam surat jaminan negara Australia

**AKAUN PERGERAKAN KEWANGAN**

- ◆ merekod pergerakan aset rizab negara dalam tempoh setahun
- ◆ aset rizab ialah aset Bank Negara Malaysia yang digunakan untuk mengimbangkan imbalan pembayaran
- ◆ aset rizab terdiri dari :-
- ◆ (i) pertukaran asing
- ◆ (ii) emas
- ◆ (iii) hak pengeluaran istimewa
- ◆ (iv) hak pengeluaran IMF
- ◆ Jika imbalan pembayaran kurang(negatif) rizab asing digunakan
- ◆ Jika imbalan pembayaran lebihan(positif) jumlah aset rizab bertambah sebanyak nilai lebihan

## Jenis Imbangan Pembayaran(IPb)

Jenis IPb	Huraian
<i>IPb lebihan(positif)</i>	<input type="checkbox"/> jika hasil tambah imbangan semasa dan akaun kewangan positif <input type="checkbox"/> jumlah penerimaan kewangan dari luar negara lebih besar daripada jumlah pembayaran kewangan yang dibuat ke luar negara <input type="checkbox"/> penerimaan > pembayaran (H>B)
<i>IPb kurangan(negatif)</i>	<input type="checkbox"/> jika hasil tambah imbangan semasa dan akaun kewangan negatif <input type="checkbox"/> jumlah pembayaran yang dilakukan ke luar negara lebih besar daripada jumlah penerimaan kewangan dari luar negara <input type="checkbox"/> pembayaran > penerimaan (B>H)
<i>IPb seimbang</i>	<input type="checkbox"/> jika hasil tambah imbangan semasa dan akaun kewangan sifar <input type="checkbox"/> jumlah penerimaan kewangan dari luar negara sama dengan jumlah pembayaran kewangan yang dibuat ke luar negara <input type="checkbox"/> penerimaan = pembayaran (H=B)

## SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

### (i) *TARIF*

- satu bentuk cukai ke atas barangan import
- bertujuan untuk mewujudkan daya saing firma tempatan dengan firma asing
- dengan ini harga barang import menjadi lebih mahal berbanding dengan barangan tempatan
- ini dapat meningkatkan permintaan terhadap barang tempatan
- ada dua bentuk tarif iaitu :-
  - (a) cukai ad-valorem - dikenakan mengikut nilai barang import  
Contoh : Cukai 15% dikenakan ke atas import kasut
  - (b) cukai spesifik - dikenakan mengikut bilangan barang import/ke atas setiap unit import  
Contoh : Cukai RM500 untuk setiap unit mesin jahit

### (ii) *KUOTA*

- kuantiti maksimum barang yang boleh diimport oleh sesebuah negara dalam satu tempoh masa tertentu
- ini menyebabkan penawaran barang import akan jatuh
- tujuannya untuk melindungi industri muda dan tempatan agar dapat bersaing dengan barang import
- Contoh : China kenakan kuota ke atas minyak sawit Malaysia

### (iii) *SUBSIDI*

- bantuan kerajaan kepada pengeluar tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran
- ini dapat mengurangkan kos pengeluaran dan harga barang keluaran tempatan akan lebih murah
- Contoh : Kerajaan memberi subsidi baja kepada petani

### (iv) *KAWALAN PERTUKARAN ASING*

- satu dasar kerajaan untuk mengawal kuantiti mata wang asing dalam negara
- kerajaan boleh hadkan jumlah penawaran mata wang asing
- dengan ini pengimport terpaksa kurangkan import kerana kekurangan pertukaran asing
- Contoh : Kurangkan import dari Amerika Syarikat, maka kerajaan kurangkan had penawaran Dolar Amerika



(v) **EMBARGO**

- satu larangan import atau eksport ke atas sesebuah negara atau barangan dalam tempoh masa tertentu

Contoh : Malaysia mengenakan embargo ke atas keluaran tenusu Eropah semasa wabak penyakit kuku dan mulut di benua tersebut

(vi) **SEKATAN BUKAN EKONOMI**

- sekatan yang dikenakan dalam bentuk penguatkuasaan undang-undang dan dasar kerajaan

Contoh : Kempen “Belilah Barangan Buatan Tempatan”

Barang elektrik yang diimport harus mendapat kebenaran daripada SIRIM agar selamat digunakan

**TUJUAN KERAJAAN KENAKAN SEKATAN PAB**(i) **Sumber hasil kerajaan**

- tarif/duti import kepada pengimport

(ii) **Melindungi industri muda dan tempatan**

- dapat menghadapi persaingan daripada firma asing/kuota ke atas barang import untuk Mengurangkan penawaran barang import seterusnya dapat mengurangkan persaingan

(iii) **Antilambakan**

- untuk mengelakkan barang import memenuhi pasaran tempatan

(iv) **Menghadapi persaingan**

- membolehkan barang tempatan dijual pada harga yang lebih rendah/ menawarkan barang yang lebih bermutu
- mengurangkan pergantungan kepada ekonomi asing

(v) **Keselamatan**

- untuk menghalang pengimportan barangan yang membahayakan keselamatan negara / kesihatan penduduk/budaya masyarakat

Contoh : Kemasukan senjata api/video lucah

**KEBAIKAN SEKATAN PAB TERHADAP EKONOMI MALAYSIA**(i) **Mengurangkan penawaran barangan import**

- embargo dan kuota dapat hadkan jumlah kemasukan barang import

(ii) **Meningkatkan pendapatan negara**

- tarif yang dikenakan ke atas barang import dapat memberi hasil cukai kepada negara

(iii) **Meningkatkan permintaan terhadap barangan tempatan**

- duti import menyebabkan harga barang import menjadi lebih mahal berbanding barang keluaran tempatan
- pemberian subsidi oleh kerajaan kepada pengeluaran menyebabkan kos pengeluaran berkurang maka harga barangan tempatan menjadi lebih murah dan ini akan meningkatkan eksport

(iv) **Mengurangkan kadar pengangguran**

- kuota, embargo dan duti import dapat mengurangkan penawaran barangan import
- maka industri tempatan dapat berkembang dan ini dapat wujudkan peluang pekerjaan

- (v) **Memperbaiki imbalan pembayaran**
  - tariff/kuota/kawalan pertukaran asing dapat membantu kerajaan mengawal/mengurangkan aliran keluar pertukaran wang asing
  - menyekat import barangan asing
- (vi) **Melindungi industri muda dan tempatan**
  - mengurangkan pertandingan barang import

### **KEBURUKAN SEKATAN PAB TERHADAP EKONOMI MALAYSIA**

- (i) **Salah pengagihan sumber**
  - peruntukan sumber akan tertumpu kepada industri yang diberikan perlindungan sahaja dan ia tidak berpandukan kepada kecekapan pengeluaran
- (ii) **Merugikan pengguna**
  - pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk menikmati barangan import pilihan pengguna juga terhad kerana penawaran barangan import di pasaran kurang
- (iii) **Pengagihan pendapatan yang tidak adil**
  - negara membangun biasanya bergantung kepada pendapatan eksport komoditi utama
  - maka sekatan ini dapat menjejaskan pendapatan negara dan pendapatan buruh yang kerja di sektor eksport turut terjejas
- (iv) **Mengurangkan eksport**
  - tindakan menyekat import dari sesebuah negara boleh menyebabkan negara berkenaan timbulkan tindak balas yang sama dari negara yang dikenakan sekatan maka peluang eksport kurang
  - pengurangan penawaran import di pasaran tempatan menyebabkan negara terpaksa mengeluarkan sendiri barang pengganti import
  - maka ini mengurangkan sumber dalam sektor eksport
- (v) **Mewujudkan monopoli**
  - monopoli merupakan pengeluar tunggal sesuatu barangan
  - sesetengah barangan tertentu hanya mempunyai pengeluar tunggal
  - sekatan boleh menyebabkan wujudnya monopoli dan penggabungan firma-firma
  - maka pengeluar mungkin mengenakan harga yang mahal untuk keluarannya
- (vi) **Ketidakcekapan industri tempatan**
  - sekatan boleh menyebabkan firma tempatan tidak mempunyai insentif untuk meningkatkan kecekapan kerana harga keluarannya jauh lebih rendah berbanding barangan import
  - maka mereka tidak melihat kepentingan untuk meningkatkan daya saing keluaran

### 3.2 PERTUKARAN ASING

#### Maksud

- mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara  
Contoh : Yen Jepun, Dolar Amerika

#### Kepentingan Pertukaran Asing

- (i) **Membiayai import**
  - pengimport tempatan perlu menukarkan mata wang tempatan kepada mata wang negara pengeksport untuk membayar barang yang diimport
- (ii) **Membuat pelaburan di luar negara**
  - pelabur-pelabur tempatan memerlukan mata wang asing untuk membeli saham/modal di luar negara
- (iii) **Membayar balik pinjaman luar negara**
  - hutang luar negara dalam bentuk mata wang asing, maka negara perlu membayar kembali hutang mengikut mata wang negara pemberi pinjaman
- (iv) **Mempertahankan nilai mata wang**
  - bank pusat menggunakan pertukaran asing bagi menjaga nilai mata wang
  - jika nilai RM merosot, bank pusat akan membeli RM maka permintaan RM akan meningkat. Oleh itu nilai RM akan naik.
  - jika nilai RM meningkat, bank pusat akan menjual RM maka penawaran RM meningkat. Oleh itu nilai RM akan jatuh

#### KADAR PERTUKARAN ASING

- merujuk kepada pertukaran asing dalam sebutan mata wang sesebuah negara  
Contoh : US\$1.00 = RM2.80

#### Pengiraan Kadar Pertukaran Asing

##### *1 Menukar Dolar Amerika Kepada Ringgit Malaysia*

Contoh :

$$\text{US\$1.00} = \text{RM3.80}$$

Seorang pengimport dari Malaysia mengimport barang bernilai US\$2 550.00. Dia menjelaskan pembayaran ke atas importnya dalam Dolar Amerika. Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan oleh pengimport tersebut?

US\$		RM
1		3.80
2 550		x

$$\begin{aligned} \frac{X}{\text{US\$2 550}} &= \frac{\text{RM3.80}}{\text{US\$1}} \\ X &= \frac{\text{RM3.80}}{\text{US\$1}} \times \text{US\$2 550} \\ &= \text{RM9 690.00} \end{aligned}$$

ATAU

$\begin{aligned} \text{US\$1.00} &= \text{RM3.80} \\ \text{Jika US\$2 550.00} &= \text{RM US\$2 550.00} \times \text{RM3.80} \\ &= \text{RM9 690.00} \end{aligned}$
---

2 *Menukarkan Ringgit Malaysia kepada Dolar Amerika*

Contoh :-

$$\text{US\$1.00} = \text{RM3.80}$$

Seorang pengimport dari Amerika Syarikat membeli buah-buahan tropika bernilai RM76 950.00 dari Malaysia. Kirakan jumlah belian pengimport ini dalam sebutan Dolar Amerika.

$$\begin{array}{r|l} \text{US\$} & \text{RM} \\ 1 & 3.80 \\ \times & 76\,950 \\ \hline X & \end{array}$$

$$\frac{X}{\text{RM76\,950}} = \frac{\text{US\$1}}{\text{RM3.80}}$$

$$X = \frac{\text{US\$1}}{\text{RM3.80}} \times \text{RM76\,950}$$

$$= \text{US\$20\,250}$$

ATAU

$$\begin{array}{l} \text{US\$1.00} = \text{RM3.80} \\ \text{Jika RM3.80} = \text{US\$1.00} \\ \text{RM76\,950.00} = \text{RM76\,950.00} \times \frac{\text{US\$1.00}}{\text{RM3.80}} \\ = \text{US\$20\,250.00} \end{array}$$

**Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

<b>Permintaan RM</b>	<b>Penawaran RM</b>
Apabila mengeksport barangan	Apabila mengimport barangan
warga asing perlukan RM	negara tawarkan RM

### **Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing ke atas Eksport dan Import Malaysia**

<b>RM meningkat</b>	<b>RM menurun</b>
US\$1.00 = RM3.80 US\$1.00 = RM3.50	US\$1.00 = RM3.80 US\$1.00 = RM4.00
KPA ↑ negatif	KPA ↓ positif
Import > Eksport	Eksport > Import
Harga barangan import murah	Harga barangan eksport murah
Permintaan import meningkat	Permintaan eksport bertambah
Harga barangan eksport mahal	Harga barangan import mahal
Permintaan eksport berkurang	Permintaan import berkurang
Nilai import melebihi nilai eksport	Nilai eksport melebihi nilai import
Imbangan perdagangan Malaysia kurangan	Imbangan perdagangan Malaysia lebihan

### **Kesan Perubahan Import dan Eksport Malaysia ke atas Kadar Pertukaran Asing**

#### ***Kesan perubahan eksport ke atas KPA***

<b>Eksport meningkat</b>	<b>Eksport menurun</b>
Permintaan RM meningkat	Permintaan RM jatuh
Permintaan RM > Penawaran RM	Penawaran RM > Permintaan RM
Lebihan permintaan RM	Lebihan penawaran RM
KPA RM meningkat	KPA RM jatuh

#### ***Kesan perubahan import ke atas KPA***

<b>Import meningkat</b>	<b>Import menurun</b>
Penawaran RM meningkat	Penawaran RM menurun
Penawaran RM > Permintaan RM	Permintaan RM > Penawaran RM
Lebihan penawaran RM	Lebihan permintaan RM
KPA RM menurun	KPA RM meningkat